## Kajian: Warga emas kurangkan belanja semasa pandemik

Perbelanjaan warga S'pura berusia 55 dengan 75 tahun turun 18 peratus

WARGA Singapura yang lebih berusia telah mengurangkan perbelanjaan penggunaan semasa pandemik Covid-19 sebanyak sekitar 18 peratus sama ada mereka telah mengalami kemerosotan pendapatan atau tidak.

Demikian menurut hasil tinjauan yang diumumkan semalam oleh Pusat Penyelidikan Penuaan Berjaya (ROSA), sebuah pusat kajian yang berpangkalan di Universiti Pengurusan Singapura (SMU).

Tinjauan ke atas 7,500 warga Singapura berusia antara 55 dengan 75 tahun itu bertujuan memahami kemungkinan kesan Covid-19 ke atas warga emas di sini, supaya bantuan lanjut dapat diberikan kepada mereka di masa akan datang.

Hasil tinjauan itu menunjukkan bahawa perbelanjaan isi rumah turun sembilan peratus Mac lalu, dan merosot lagi 23 peratus April lalu, berbanding Januari.

Penurunan itu didapati tertumpu kepada pembelian tidak penting seperti kegiatan riadah dan pelancongan. "Pemerhatian ini mungkin disebabkan

"Pemerhatian ini mungkin disebabkan oleh pelaksanaan langkah pemutus rantaian jangkitan (CB) pemerintah yang bertujuan mengurangkan penyebaran Covid-19, khususnya penutupan perniagaan dan cawangan runcit di serata negara," menurut tinjauan itu.

CB dilaksanakan dari 7 April hingga 1 Jun.

Tinjauan tersebut juga mengkaji sikap terhadap tindak balas pemerintah kepada Covid-19.

Ia mendapati responden menunjukkan keyakinan dalam keputusan pemerintah, dengan 73 peratus mereka menyatakan yang mereka agak atau sepenuhnya percaya dengan cara pemerintah menguruskan keadaan Covid-19.

Kebanyakan responden juga setuju dengan penyediaan sokongan kewangan pemerintah kepada warga Singapura semasa pandemik ini, dengan 61 peratus setuju bahawa sokongan mencukupi telah diberikan.

Keputusan itu didapati sejajar dengan tahap kepuasan tinggi yang warga Singapura rasakan berkaitan tindak balas pemerintah terhadap penularan wabak Sars pada 2003.

Tinjauan itu juga mendapati Covid-19 telah menyebabkan kemerosotan pendapatan pekerjaan sebanyak enam peratus April lalu.

"Mengkaji kesan ini berhubung dengan status sosio ekonomi (SES) menunjukkan bahawa warga Singapura dari isi rumah dengan SES rendah dan pertengahan mengalami kemerosotan pendapatan yang lebih besar berbanding isi rumah dengan SES tinggi.

"Isi rumah dengan SES lebih rendah mengalami kemerosotan pendapatan pekerjaan sebanyak 10 peratus dan lebih berkemungkinan kehilangan pekerjaan, sementara isi rumah dengan SES yang lebih tinggi mengalami sedikit perubahan dalam pekerjaan atau pendapatan," kata tinjauan itu.